

## SIARAN AKHBAR

S.A. 2023/12/03\_63 (HQ)

### EMPANGAN-EMPANGAN TNB SEDIA HADAPI MUSIM TENGGUJUH

**Tenaga Nasional Bhd (TNB)** telah mempersiapkan semua empangan skim hidroelektriknya di Cameron Highlands, Sungai Perak dan Tasik Kenyir bagi menghadapi impak Monsun Timur Laut, termasuk kemampuan menakung kapasiti air yang dijangka meningkat pada musim tengkujuh.

Pemeriksaan berkala secara bulanan dan audit integriti setiap enam bulan adalah antara langkah yang diambil melebihi garis panduan “Malaysia Dam Safety Management Guidelines” (MyDAMS) demi keselamatan empangan untuk memastikan keutuhan struktur.

Pengarah Urusan TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco), Ir. Muhamad Nazri Pazil, menyatakan bahawa langkah-langkah ini memastikan empangan dapat berfungsi dengan baik bukan sahaja sebagai penjana tenaga hidro tetapi juga membantu usaha penebatan banjir.

“Penyelenggaraan empangan secara berhemat dan menyeluruh ini mendukung prinsip utama melindungi nyawa, harta benda, dan persekitaran,” katanya, merujuk kepada pengumuman Jabatan Meteorologi Malaysia yang meramalkan hujan lebat di Pantai Timur Semenanjung dengan kebanyakan negeri menerima purata hujan antara 100mm hingga 900mm pada hujung tahun.

TNB Genco adalah anak syarikat milik penuh TNB yang bertanggungjawab terhadap pengurusan aset-aset penjanaan elektrik milik TNB, termasuk skim empangan hidroelektriknya. Ia bertanggungjawab mengenal pasti sebarang potensi risiko dengan melaksanakan pengawasan, pemantauan prestasi, dan pemeriksaan khas empangan.

Menurut Nazri, seperti tahun-tahun sebelumnya, TNB juga telah mengadakan beberapa siri taklimat persediaan kepada pemegang taruh dan penduduk setempat, disamping latihan amal simulasi kecemasan bersama agensi-agensi kerajaan yang terlibat dengan pengurusan bencana seperti Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah dan Negeri.

“Selain menjana elektrik, empangan-empangan hidroelektrik milik TNB turut berfungsi sebagai tebatan banjir. Dengan kapasiti menakung air di hulu sungai, empangan-empangan kami dapat mengelakkan bencana lebih besar daripada berlaku di kawasan hilir setiap kali musim tengkujuh tiba,” katanya.

Paras air tasik telah diturunkan secara terancang ke paras minimum melalui pelepasan terkawal mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) sebelum bermulanya

musim tengkujuh dengan mengambil kira keperluan operasi supaya keupayaan penjanaan elektrik masih boleh dilakukan.

Mengulas mengenai operasi Stesen Janakuasa Sultan Mahmud (SJSM) Kenyir, Terengganu yang dilanda banjir besar pada awal tahun lalu, Nazri menjelaskan bahawa kerja-kerja pemulihan berjalan lancar bagi mengurangkan risiko tanah runtuh dan struktur Empangan Kenyir didapati kekal kukuh dan selamat oleh Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) melalui pasukan penilaian “Flying Squad” dalam laporan bertarikh Ogos 2022.

Selain itu, katanya, Penilaian Keselamatan Empangan (Dam Safety Review) oleh pakar empangan bebas dilaksanakan setiap lima tahun yang selaras dengan garis panduan antarabangsa International Commission on Large Dam (ICOLD) yang mana pakar-pakar empangan dilantik untuk memeriksa dan menilai keadaan integriti empangan dan struktur yang berkaitan.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 3 Disember 2023, jam 11:00 pagi**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /  
Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606 / Atikah Aqilah 011-10772731  
atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*



Ir. Muhamad Nazri Pazil,  
Pengarah Urusan TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco)



Skim hidroelektrik Sungai Perak adalah antara empangan **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** yang telah bersedia bagi menghadapi impak Monsun Timur Laut, termasuk kemampuan menakung kapasiti air yang dijangka meningkat pada musim tengkujuh.